



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**SEMPENA  
MAJLIS PERJUMPAAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**BERSAMA  
PEGAWAI GRED 41 DAN 44 PELBAGAI SKIM DI KKMM  
BAGI TAHUN 2019**

**10.00 PAGI  
13 NOVEMBER 2019 (RABU)  
AUDITORIUM PERDANA, ANGKASAPURI**

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis.

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan izin Nya dapat kita sama-sama berhimpun di dalam auditorium ini sempena Majlis Perjumpaan bersama Pegawai Gred 41 dan 44 pelbagai skim di Kementerian Komunikasi dan Multimedia.
2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas kejayaan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua yang sekali gus menunjukkan kesungguhan dan komitmen terhadap KKMM. Saya pasti ada sesuatu yang kita akan berkongsi bersama pada hari ini dan semoga ianya memberi manfaat kepada kita semua.

## **Pengenalan Organisasi**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya ingin memulakan ruang perjumpaan kita pada hari ini dengan pengenalan berkenaan organisasi KKMM secara keseluruhannya. Walau pun ada di kalangan kita yang sudah arif berkenaan organisasi ini, tetapi rasanya tidak salah untuk saya memperkenalkan sekali lagi KKMM kepada tuan/puan supaya kita lebih mengenali di antara satu sama lain.
4. KKMM telah dibentuk pada 15 Mei 2013 berikutan dengan penstrukturan semula kabinet menggantikan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Sehingga hari ini, keseluruhan organisasi KKMM beroperasi melalui tiga (3) sektor iaitu Sektor Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif, Sektor Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital dan Sektor Pengurusan. Fungsi KKMM dilaksanakan secara keseluruhannya oleh satu (1) Tribunal Rayuan, lima (5) Unit

di bawah Pejabat Ketua Setiausaha, 14 Bahagian, empat (4) Jabatan Persekutuan, lapan (8) Agensi dan dua (2) Syarikat Berkaitan Kerajaan.

5. Empat senarai Jabatan Persekutuan adalah Jabatan Penyiaran Malaysia yang berfungsi untuk menyebarkan luas maklumat melalui pelbagai platform siaran, Jabatan Penerangan Malaysia yang berperanan untuk memberikan penjelasan mengenai dasar-dasar dan wawasan negara, Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak yang merupakan pusat kecemerlangan latihan dalam bidang industri kreatif, kejuruteraan penyiaran dan komunikasi strategik dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi merupakan Jabatan termuda yang bertanggung jawab mengawal selia pemprosesan data peribadi seseorang individu oleh pengguna data agar digunakan dengan berintegriti.
6. Manakala Agensi pula adalah terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang ditubuhkan berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ditubuhkan berdasarkan Akta BERNAMA 1967, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang ditubuhkan berdasarkan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, Malaysian Network Information Centre Bhd. (MYNIC) iaitu Agensi yang mentadbir nama domain .MY di Malaysia.
7. Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) pula bertanggung jawab sebagai pemangkin pembangunan ekosistem digital inovatif, Cybersecurity Malaysia merupakan pusat kepakaran keselamatan siber yang dipercayai, saksama dan proaktif, MyCreative Ventures Sdn Bhd, agensi yang memartabatkan industri kreatif Negara dan Mutiara Smart Sdn Bhd merupakan agensi yang membekal perkhidmatan dan peralatan ICT. Dua (2) Syarikat Berkaitan Kerajaan yang bernaung di bawah KKMM adalah Pos Malaysia dan Telekom Malaysia Berhad.

## PELAN STRATEGIK KKMM 2019-2023

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Dalam memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti mencapai kejayaan, Pelan Strategik KKMM 2019 – 2023 telah dibangunkan. Selain itu, Pelan Strategik ini juga merupakan asas bagi semua warga Kementerian dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai keseluruhan tugas teras Kementerian diteliti secara bersepadu ke arah memacu masyarakat terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital. Enam (6) teras utama yang menjadi tunjang kepada pelan strategik ini adalah:
  - i. Teras 1 – Memantapkan infrastruktur telekomunikasi yang berpatutan, berkualiti dan kebolehcapaian;
  - ii. Teras 2 – Memacu ekonomi digital dan ICT ke arah negara maju;
  - iii. Teras 3 – Memperkukuh kawal selia ekosistem komunikasi dan multimedia yang stabil;
  - iv. Teras 4 – Memperluas penyebaran maklumat kenegaraan untuk meningkatkan jati diri dan semangat patriotik rakyat;
  - v. Teras 5 – Memperkasa perkhidmatan penyiaran yang berkualiti dan terkini; dan
  - vi. Teras 6 – Memangkin industri kandungan kreatif yang berdaya saing dan bertaraf global.
  
9. Sebanyak 26 strategi dan 114 program berimpak tinggi telah dikenal pasti bagi menyokong usaha KKMM untuk meningkatkan produktiviti dan keberhasilan Kementerian. Ia juga dirangka supaya selaras dengan perubahan semasa, keperluan pemegang taruh dan sebagai sumber rujukan utama untuk memacu Kementerian mencapai visi dan seterusnya aspirasi negara dapat diterjemahkan demi kepentingan rakyat. Dokumen Pelan Strategik KKMM 2019 – 2023 ini telah

dimuat naik ke dalam portal KKMM dan boleh dicapai pada bila-bila masa bagi tujuan rujukan.

## **HALA TUJU STRATEGIK KKMM 2020**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Pada 20 hingga 22 Oktober 2019 yang lalu telah diadakan Mesyuarat Retreat Hala Tuju Strategik KKMM bagi membangunkan Hala Tuju Strategik KKMM 2020. Lima (5) strategi telah dibangunkan dalam memastikan pelaksanaan program Kementerian berada di landasan yang sama iaitu:
  - i. **Strategi 1 – Pengukuhan Kapasiti Organisasi**  
Peningkatan kapasiti dan keupayaan organisasi yang dinamik ini dilaksanakan melalui penambahbaikan struktur organisasi, sistem serta prosedur kerja.
  - ii. **Strategi 2 – Pembangunan Warga Kerja Yang Berkualiti**  
Pembangunan kompetensi warga kerja KKMM dalam membentuk budaya kerja berprestasi tinggi merupakan elemen utama yang akan diberi penekanan bagi strategi ini.
  - iii. **Strategi 3 – Menambah Baik Persekitaran Kerja Agar Lebih Dinamik**  
Strategi ini dilaksanakan melalui penyediaan ruang kerja yang kondusif serta sistem khidmat sokongan yang cekap.
  - iv. **Strategi 4 – Pengurusan Sumber Dan Penyampaian Perkhidmatan**  
Penggunaan sumber secara optimum perlu diberi keutamaan dalam usaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien bagi memastikan tiada pembaziran berlaku dan sumber yang ada digunakan sebaik mungkin.

v. **Strategi 5 – Pengurusan Prestasi, Pengiktirafan dan Ganjaran**

Warga KKMM perlu membudayakan pencapaian prestasi, penyediaan ganjaran dan pengiktirafan berdasarkan prestasi secara formal dan tidak formal. Amalan mengucapkan terima kasih merupakan bentuk penghargaan secara tidak formal paling ringkas yang perlu dibudayakan di dalam organisasi KKMM ini.

11. Saya menyeru kepada semua warga KKMM untuk menghayati lima (5) strategi yang telah digariskan ini sebagai persediaan untuk melaksanakan tugas ke arah mencapai visi, misi dan objektif KKMM.

## **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Seperti yang kita semua ketahui, Wawasan Kemakmuran Bersama, 2030 telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019 yang lalu. Wawasan ini merupakan kelangsungan wawasan yang terdahulu dengan mengambil kira keadaan semasa dan jangkaan keadaan yang akan berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang.
13. Wawasan Kemakmuran Bersama membawa maksud pertumbuhan yang lebih saksama untuk Negara, memberikan nilai yang lebih tinggi kepada ekonomi Negara dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang kompetitif, berintegriti dan bermaruah. Melalui pertumbuhan ekonomi kita akan dapat mengembalikan kepercayaan kepada pasaran dan menarik minat pelabur asing.
14. Kemakmuran Bersama adalah usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara “yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif (*equitable growth*) di setiap peringkat

kumpulan pendapatan, etnik, wilayah serta rantaian bekalan” sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan di kalangan rakyat menjelang tahun 2030.

15. Matlamat utama wawasan ini adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030. Ini juga selaras dengan matlamat yang didukung oleh United Nations Agenda 2030 untuk mencapai Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) di mana, pendekatan pembangunan inklusif tidak akan meminggirkan sesiapa pun di bawah prinsip *leaving no one behind*.
16. Terdapat tiga objektif yang ingin dicapai melalui Wawasan Kemakmuran Bersama iaitu:
  - i. pembangunan untuk semua;
  - ii. menangani jurang kekayaan dan pendapatan; dan
  - iii. negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.
17. Selaras dengan pelaksanaan wawasan ini juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengharapkan supaya Malaysia dapat berubah dari penyampaian kerja yang hanya berasaskan output dan pencapaian (*performance*) kepada Negara yang berasaskan impak (*deliverables*) dan keberhasilan (*outcomes*).
18. *Key Performance Index* (KPI) perlu berubah kepada *Key Results Indicator* (KRI) atau indikator keberhasilan utama yang boleh dinilai sebagai contoh dari sudut peningkatan pendapatan, penciptaan pekerjaan atau nilai tambah perniagaan dan sebagainya. Ke arah tersebut, sistem pemantauan dan pelaporan terutama diperingkat kerajaan harus dinaiktaraf dan diperkukuhkan. Wawasan Kemakmuran Bersama perlu dinilai berdasarkan keberhasilan bagi setiap Menteri, Kementerian dan Agensi seterusnya kepada pelbagai institusi Kerajaan dan swasta.

19. Saya menyeru kepada semua warga KKMM untuk menggembelng tenaga menghayati matlamat dan hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama ini supaya ianya dapat direalisasikan. Setelah itu, KKMM perlu melaksanakan tugas dalam memastikan wawasan ini turut dapat dihayati dan dirasakan oleh rakyat secara keseluruhannya dengan melaksanakan program-program penyebaran maklumat melalui pelbagai medium.

## **KEPIMPINAN BERETIKA**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Hadirin yang berada dalam auditorium pada hari ini merupakan barisan pertama dalam hierarki kepimpinan perkhidmatan awam yang memainkan peranan penting dalam pembentukan budaya sesebuah organisasi. Selain itu, kepimpinan tuan/puan juga adalah penyumbang utama atau penyebab secara langsung kepada pencapaian organisasi. Kepimpinan berkesan adalah berkait rapat dengan sifat, nilai dan tingkah laku yang beretika.
21. Kepimpinan beretika merupakan elemen utama sebagai seorang pemimpin yang bertindak sebagai agen perubahan dan pembentuk budaya organisasi. Sikap dan tingkah laku pemimpin memberi impak kepada perlakuan anggota organisasi dan seterusnya ini akan mempengaruhi prestasi organisasi.
22. Etika adalah sesuatu yang berkait dengan keupayaan seseorang untuk membezakan antara yang betul dan salah dan seterusnya mengambil tindakan yang betul. Menurut Kanugo (2001), seseorang yang mahu menjadi pemimpin beretika perlu terlibat dengan tingkah laku yang mulia dan memberi kebaikan kepada orang lain. Pemimpin itu juga perlu menjauhkan diri daripada perbuatan jahat yang boleh mendatangkan keburukan kepada orang lain. Saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk memegang prinsip pemimpin yang



beretika bagi membentuk KKMM sebagai sebuah organisasi yang disegani dalam aspek kepemimpinan dan pembudayaan organisasinya.

## **PENUTUP**

23. Semoga tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini mendapat manfaat daripada apa yang telah saya kongsi dan saya amat berharap kita semua dapat bergabung tenaga menjadikan KKMM sebuah organisasi yang berintegriti, mengamalkan budaya yang terpuji, berprestasi cemerlang dan disegani.
24. Saya turut mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan daripada tuan-tuan dan puan-puan dalam memastikan KKMM dapat mencapai visinya sebagai pemacu masyarakat terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital.

Sekian,

**Wabillahit Taufik walhidayah.  
Assalam'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**